

ANALISIS PELANCONGAN LUAR BANDAR,
KAJIAN KES: ULU SEGONG, KEDAH

2009 EDITION - REPRINT EDITION


[UMI]

2013

1100089007

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu.

L.P. 43 FPE 2 2008



1100089007

Analisis pelancongan luar bandar, kajian kes : Ulu Legong, Kedah / Nor Hidayah Ahmad.



**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat Sebelah

HAK MILIK

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**ANALISIS PELANCONGAN LUAR BANDAR, KAJIAN KES: ULU LEGONG,
KEDAH**

**NOR HIDAYAH BINTI AHMAD
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)
2008**

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN4998/4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh: 27 APRIL 2008

Nor Hidayah Binti Ahmad
UK11185

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN4998/4999) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date: 27 APRIL 2008

Nor Hidayah Binti Ahmad
UK11185

PENGHARGAAN

Syukur ke Hadrat Ilahi di atas Limpah Kurnia serta Keizinan-Nya saya dapat menyiapkan dan menyudahkan kertas ilmiah ini bagi memenuhi jam kredit bagi dua semester terakhir untuk subjek Kertas Projek (EKN4998/4999). Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Encik Zaharul Nizal Bin Zabidi kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan panduan serta maklumat yang berguna kepada saya.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Encik Afis Shaari dan Puan Aminah Binti Zainal Abidin kerana banyak memberikan kerjasama sepanjang menjalankan soal selidik. Jasa kalian akan saya kenang sampai bila-bila, InsyaALLAH.

Istimewa untuk emak dan ayah tercinta yang disayangi serta keluarga yang sentiasa memberi galakan dan sokongan sepanjang saya menjalankan kertas projek ini. Segala didikan, tunjuk ajar dan kasih sayang adalah harta yang paling berharga buat anakanda dan InsyaALLAH, anakanda akan gunakan sebaik-baiknya untuk diri anakanda. Semoga dipanjangkan umur dan serta sihat hingga ke akhir hayat.

Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung dalam dan membantu saya menyiapkan kertas ilmiah ini. Akhir kata, saya berharap kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan panduan yang berharga kepada saya untuk menceburи bidang pekerjaan nanti dan dapat memberi pengalaman kepada saya untuk menjalankan kajian pada masa-masa akan datang.

Hanya ALLAH sahaja yang dapat membalias budi dan jasa kalian.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pelancongan luar bandar sering diperkatakan sebagai salah satu pemangkin pembangunan ekonomi setempat. Ia mampu mewujudkan pembangunan sesuatu kawasan di samping mewujudkan peluang pekerjaan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis perkembangan pelancongan luar bandar di Ulu Legong, Kedah. Pada kebiasaannya, pelancongan luar bandar tidak mendapat sambutan apatah lagi jika kedudukan kawasan tersebut adalah agak terpencil dan terpinggir. Kaedah pengumpulan data adalah melalui data sekunder yang diperoleh dari Majlis Daerah Baling dan soal selidik terhadap pelancong yang datang ke Pusat Rekreasi Air Ulu Legong. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis siri masa, deskriptif dan korelasi. Hasil kajian mendapati faktor utama yang menarik pelancong ke Ulu Legong adalah sumber air iaitu kolam air panas. Di samping itu, perbelanjaan pelancong sebelum perjalanan ke Ulu Legong adalah tinggi daripada perbelanjaan pelancong semasa berada di Ulu Legong. Perbelanjaan ini dipengaruhi oleh pendapatan pelancong itu sendiri. Penemuan kajian ini adalah penting bagi membuat keputusan dalam pengurusan dan strategi pembangunan di Ulu Legong. Penemuan dan cadangan yang bersesuaian diutarakan untuk pemberian dan memajukan Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan yang berguna kepada sesiapa yang membacanya.

ABSTRACT

Rural tourism is often said to be one of the catalyst to the local economic development. It can develop the surroundings area besides creation job opportunity. Hence this study is carried out to analyze the rural tourism development at Ulu Legong, Kedah. It is customary that rural tourism receives little demand let alone the location is remote and isolated. To achieve the objectives of this study, secondary and primary data were collected. The secondary data was gathered from Majlis Daerah Baling, whereby a survey was conducted on visitors to Ulu Legong. Data collected were analyzed using the time series, descriptive and correlation analysis. This study was found that the main attraction to this location is due to availability of the hot spring. In addition, the main portion of expenditure is higher during pre-visit compare to money spent at the Ulu Legong. As expected the amount spent is influenced by the income level. It is the hope of the author that findings of this study will help the development of rural tourism especially at Ulu Legong and devise the proper strategy in improving the industry.